

18 MAY 2004

Agong-Ulama

ULAMA DIMINTA UBAH PENDEKATAN BANTU BASMI PENYAKIT SOSIAL

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini menitahkan supaya ulama dan pendakwah mengubah pendekatan membasmi penyakit sosial daripada menghukum, menyalahkan orang lain dan mengadakan syarahan umum, kepada satu langkah yang menghendaki mereka sama-sama turun padang.

Pendekatan kasih sayang kemanusiaan dan perasaan ingin menolong secara ikhlas mereka yang berpenyakit ini merupakan dakwah yang dikehendaki oleh Islam, titah Seri Paduka Baginda semasa merasmikan pembukaan penggal pertama Parlimen ke-11 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

"Dengan kesungguhan dan perhatian berterusan oleh semua pihak, penyakit sosial ini akan dapat dihapuskan," titah baginda.

Menurut Seri Paduka Baginda, keruntuhan akhlak dan penyakit sosial merupakan unsur yang boleh meruntuhkan keharmonian masyarakat, bangsa, negara dan tamadun manusia yang telah dibina selama ini.

Untuk itu ibu bapa, ulama, guru agama, pendakwah dan cerdik pandai Islam diminta sama-sama memikul tanggungjawab membasmi penyakit masyarakat itu.

Kerajaan juga akan meneruskan dengan lebih agresif usaha memberi penjelasan mengenai ajaran Islam sebenar bagi menghapuskan salah faham dan salah tafsir terhadap punca-punca yang boleh menimbulkan kegiatan keganasan dan melampau yang mengakibatkan perpecahan umat Islam dan menggugat perpaduan negara, titah baginda.

Mengenai perkhidmatan awam, Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa sistem penyampaian yang kurang cekap dan tidak telus dalam sektor itu akan memudahkan kegiatan penyelewengan dan rasuah.

K keadaan ini akan menyebabkan kos pengeluaran dan sara hidup meningkat, serta mutu perkhidmatan barangan dan prasarana terjejas, yang akhirnya menyebabkan pengusaha tempatan dan pelabur asing tidak berminat untuk

melabur di negara ini dan pertumbuhan ekonomi akan terancam.

Untuk itu, usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dijalankan secara berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang cekap, adil dan saksama dapat diwujudkan, titah baginda, sambil menjelaskan bahawa antara langkah yang diambil ialah menyusun semula beberapa kementerian secara besar-besaran bagi memperkemas organisasi dan fungsi masing-masing.

Baginda bertitah bahawa walaupun kegiatan rasuah tidak berleluasa di negara ini, ia perlu ditangani segera.

Menurut Seri Paduka Baginda, dalam usaha menangani masalah itu, kerajaan akan memastikan segala siasatan oleh pihak tertentu dijalankan dengan telus serta mengikut peraturan dan undang-undang.

Kepada semua anggota Parlimen, Yang di-Pertuan Agong meminta mereka supaya berbahas dengan berkualiti serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan menjunjung semangat demokrasi dan dengan sifat penuh kematangan.

Baginda berharap anggota-anggota parti yang berlainan fahaman politik supaya mempereratkan hubungan dan berbaik-baik antara satu sama lain.

"Perihal ini hendaklah dicerminkan melalui kelakuan sahsiah yang baik, termasuk tindak tanduk di Dewan ini," titah Baginda.

Yang di-Pertuan Agong turut merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap segala jasa dan pengorbanannya kepada rakyat dan negara selama 22 tahun menerajui kepimpinan kerajaan.

"Sebagai seorang pemimpin yang gigih, tegas dan berwawasan, beliau telah berjaya membawa negara ini ke persada kecemerlangan dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dan disegani bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam dan negara-negara membangun, tetapi juga di kalangan negara-negara maju," titah Seri Paduka.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dilantik Perdana Menteri kelima dan kepada Barisan Nasional yang mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum pada 21 Mac lepas.

-- BERNAMA
HK AM MAI